

28 MAR 1996

Mahathir - Asia

ASIA MENGORAK ULANGI KEAGUNGAN SILAM

Oleh: Syed Jamil Jaafar

AUCKLAND, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asia dan masyarakatnya kini bersedia untuk menempa keagungan yang pernah mereka capai pada zaman silam dan sekali lagi menjadi pemimpin dunia.

Beliau berkata negara-negara Asia sambil mempertahankan kemerdekaan mereka akan bergerak untuk mencapai kekuatan ekonomi dan menjadi negara-negara yang agung dari segi ekonomi seperti yang dinikmati pada masa silam dan bukan dari segi penguasaan wilayah.

"Suara-suara mereka sekali lagi akan didengar dan dihormati di medan dunia," katanya semasa menyampaikan ucapan bertajuk "Realiti Kemunculan Semula Asia" di perasmian Institut Asia New Zealand di Universiti Auckland di sini.

Dr Mahathir, yang dalam rangka akhir lawatan rasmi empat hari ke negara di kepulauan Pasifik Selatan ini, semalam melancarkan Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Victoria di Wellington.

Perdana Menteri berkata negara-negara Asia tidak akan menguasai dunia tetapi tempat mereka di gelanggang dunia tetap terpelihara.

Katanya, bukti sejarah menunjukkan tamaddun awal dunia ditemui di Asia.

"Jika tamaddun Asia lebih besar daripada tamaddun Eropah, tidak bolehkah ia maju sama seperti Eropah sekarang?" tanya Dr Mahathir.

"Tidak ada satupun yang daif diwarisi oleh masyarakat Asia sama juga dengan tiada satupun yang agung diwarisi oleh orang Eropah."

Perdana Menteri mengimbau kecemerlangan yang telah ditempa oleh masyarakat Asia di zaman silam seperti penaklukan ke atas negara-negara Arab, Turki, Parsi dan Mongolia.

"... saya yakin apa yang mereka dapat lakukan pada masa lampau, dapat dilakukan sekali lagi. Saya tidak fikir negara-negara Asia akan cuba untuk menakluki dunia sekali lagi untuk membina empayar.

"Saya tidak fikir China dan Jepun berura-ura atau mahu memulakan perang untuk menunjukkan sekali lagi keupayaan dan keagungan Asia."

Beliau berkata empayar moden sekarang lebih berbentuk ekonomi, lahir menerusi hubungan perdagangan dan ekonomi walaupun sering kali terdapat juga penguasaan politik manakala kependudukan ketenteraan tidak mungkin berlaku.

Negara-negara Asia kini berusaha untuk membina "empayar" seperti itu, jika boleh secara eksklusif tetapi biasanya mereka berkongsi dengan pihak lain sama ada Asia dan Eropah atau Amerika.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asia kini telah menjumpai formula baru bagi kesamarataan dan imperialisma yang lebih sederhana, pertama dengan mencapai kestabilan politik dan kemudian menumpu kepada pembangunan ekonomi.

Ekonomi sesetengah negara Asia akan lebih kuat daripada negara lain dan makmur dan kini tidak perlu lagi menagih bantuan dan perlindungan daripada kuasa-kuasa luar.

Buat pertama kalinya kesemua negara Asia sudah merdeka dan Asia Timur termasuk Asia Tenggara bebas daripada peperangan.

"Mereka kini menikmati keamanan yang selesa dan bekerja keras untuk memperbaiki diri sendiri."-- BERNAMA.

SJ OBA.